



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PERKEMBANGAN MOTIF CATAN BATIK FATIMAH CHIK DALAM SENI LUKIS MODEN DI MALAYSIA

WAN NURUL HASYYATI BINTI MOHD PAUZI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (PENGAJIAN SEJARAH SENI) (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v

## ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan meneliti Perkembangan Motif Catan Batik Fatimah Chik dalam Seni Lukis Moden Malaysia sekitar tahun 1980-an hingga 2008. Reka bentuk penyelidikan menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan sejarah (*historical*) dalam merungkai tiga objektif kajian bagi mengupas keselarian dan perbezaan perkaitannya melalui teknik, motif, kaedah dan gaya yang dipraktikkan bagi memperolehi kesahihan maklumat. Analisis kajian ini melibatkan 12 buah karya catan batik kesemuanya bagi menjawab ketiga-tiga persoalan kajian. Terdapat empat teknik pengumpulan data yang diaplikasikan dalam penyelidikan ini iaitu pemerhatian, temu bual, rakaman visual dan analisis dokumen. Dapatkan kajian, menunjukkan bahawa tahap perkembangan motif dalam karya catan batik beliau terdapatnya perubahan melalui gaya dan persembahan mengikut trend semasa aliran seni lukis moden di Malaysia. Kesimpulannya, setiap motif-motif yang terbentuk dalam karya-karya beliau mempunyai kehalusan dan keunikan seninya dari segi aspek formalistik dan praktikal menjadikannya membentuk identiti yang tersendiri. Nilai-nilai dan elemen sosiobudaya warisan daripada suku kaum di Rantau Asean diangkat menjadi identifikasi yang dominan dalam catan batik Fatimah Chik. Keunikan catan batik Fatimah Chik adalah daripada gabungan kaedah tradisi dan moden dengan mengaplikasikan teknik shiboritik (ikat celup) dengan menerapkan pengaruh daripada suku kaum dari kepulauan Sulawesi dan Sumba di Rantau Asia dan Nusantara. Implikasi kajian telah membuktikan bahawa seni catan batik mula diangkat seiring dalam seni lukis moden Malaysia walaupun masih menerapkan motif-motif tradisional dan teknik tradisi dalam penghasilan karya. Kajian yang lebih komprehensif dapat dijalankan bagi mengekalkan nilai kesenian warisan dan budaya kepada generasi perintis.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun

ptbupsi  
v

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v



## THE MOTIFS DEVELOPMENT IN FATIMAH CHIK'S BATIK PAINTING OF MODERN PAINTING IN MALAYSIA

### ABSTRACT

This study aims to examine the development of Fatimah Chik's Batik Painting Motifs in Modern Malaysian Painting around the 1980s until 2008. The research design uses qualitative methods through historical approaches in addressing three research objectives to explain the parallelism and the differences in her techniques, motives, methods, and styles in relation to the validity of the information used in her work. The analysis of this study involved 12 pieces of batik paintings to answer the three research questions of the study. Four data collection techniques were applied in this study, namely observation, interview, visual recording, and analysis of document. The analysis of the data showed that the level of motifs development in her batik painting works has been transformed through the style and performance of modern art of Malaysia. In conclusion, every motif created in her works has the fineness and uniqueness of art in terms of formalistic and practical aspects that make it a distinct identity. The values and elements of the socio-cultural heritage of the tribe in the Asian region are the dominant theme in her batik work. More revealingly, the uniqueness of her batik texture involves the combination of traditional and modern methods through the shiboritik techniques (tie and dye) involving the influences of the tribes of Sulawesi and Sumba in the Asian and Nusantara regions. The main implication of this study is that batik arts will be gradually and heavily influenced by modern Malaysian artworks, although it still applies the traditional motifs and traditional techniques in the production of such works. Clearly, a more comprehensive study needs be carried out to preserve the value of cultural heritage that will be importance to future generation.





## KANDUNGAN

### **Muka Surat**

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv



### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	3
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Kaedah Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	14
1.8 Pengumpulan Data	15





1.9	Batasan Kajian	17
1.10	Kesimpulan	18

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	19
2.1.1	Sejarah Seni Lukis Moden di Malaysia	
2.1.2	Seni Halus Pada Tahun 1920-an hingga 1930-an.	24
2.1.3	Seni Halus Pada Tahun 1940-an hingga 1950-an.	25
2.1.4	Seni Halus Pada Tahun 1960-an hingga 1990-an.	26
2.2	Sejarah Catan Batik dalam Seni Lukis Moden di Malaysia	30
2.2.1	Motif-motif Tradisional dalam Catan Batik di Malaysia	47
2.2.2	Kreativiti Variasi Gaya Persembahan Motif dan Warna dalam Catan Batik di Malaysia	50
2.3	Shiboritik dalam Catan Batik di Malaysia	56
2.3.1	Jenis-jenis Teknik Shibori	60
2.4	Kreativiti Catan Batik Fatimah Chik	64
2.5	Kesimpulan	70



## **BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	71
3.2	Kerangka Teori	72
3.3	Pendekatan Kajian	79
3.4	Reka Bentuk Kajian	81





3.5 Fokus Kajian	81
3.6 Teknik Pengumpulan Data	82
3.6.1 Temubual	82
3.6.2 Pemerhatian	83
3.6.3 Pengumpulan Dokumen	84
3.7 Teknik Analisis Data	85
3.8 Instrumen Kajian	86
3.9 Kesimpulan	86

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	87
4.2 Motif-motif dalam Catan Batik Fatimah Chik	89
4.2.1 Karya dari Tahun 1980-an hingga 1989	90
4.2.1.1 Motif yang Terdapat pada Karya <i>Rentak Nusantara</i>	92
4.2.1.2 Motif yang Terdapat pada Karya <i>Nusantara Series No.9</i>	96
4.2.1.3 Motif yang Terdapat pada Karya <i>Meditation No.3</i>	99
4.2.1.4 Motif yang Terdapat pada Karya <i>Gunungan</i>	101
4.2.2 Karya dari Tahun 1990-an hingga 1999	104
4.2.2.1 Motif yang Terdapat pada Karya <i>Towards Dawn</i>	105
4.2.2.2 Motif yang Terdapat pada Karya <i>Subuh</i>	107
4.2.2.3 Motif yang Terdapat pada Karya <i>Unity in Harmony</i>	110





4.2.2.4 Motif yang Terdapat pada Karya <i>Nusantara Melody</i>	113
4.2.3 Karya dari tahun 2000 hingga 2010.	118
4.2.3.1 Motif yang Terdapat pada Karya <i>Chinoserie</i>	120
4.2.3.2 Motif yang Terdapat pada Karya <i>Keyakinan</i>	124
4.2.3.3 Motif yang Terdapat pada Karya <i>Untitled</i>	129
4.3 Perkembangan Motif-motif dalam Catan Batik Fatimah Chik dari Tahun 1980-an hingga 2008.	131
4.4 Identiti dan Gaya Persembahan dalam Catan Batik Fatimah Chik	138
4.4.1 Identiti ASEAN dan Nusantara	139
4.4.2 Gaya yang Dipersembahkan pada Karya Fatimah Chik dari Tahun 1980-an hingga 2010	143
4.4.3 Warna dalam Catan Batik Fatimah Chik	146
4.5 Kesimpulan	147
<b>BAB 5 KESIMPULAN &amp; CADANGAN</b>	
5.1 Kesimpulan	149
5.2 Cadangan Kajian Selanjutnya	152
5.3 Implikasi Kajian	154
<b>RUJUKAN</b>	156
<b>LAMPIRAN</b>	





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xi

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Matrik Pengumpulan Data	85
4.1.1 Rubrik Penilaian Karya-karya Catan Fatimah Chik pada tahun 1980-an Berdasarkan Teori <i>Style</i> dan Kerangka Konsep <i>Rupa dan Jiwa</i>	103
4.1.2 Rubrik Penilaian Karya-karya Catan Fatimah Chik pada tahun 1990-an Berdasarkan Teori <i>Style</i> dan Kerangka Konsep <i>Rupa dan Jiwa</i>	117
4.1.3: Rubrik Penilaian Karya-karya Catan Fatimah Chik pada tahun 2000-2010 Berdasarkan Teori <i>Style</i> dan Kerangka Konsep <i>Rupa dan Jiwa</i>	130



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xi



## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Malaysia Merdeka	23
2.2 Manusia dan Alam	28
2.3 Interior Series	29
2.4 Perairan Pulau Pinang	32
2.5 Kampung Nelayan	33
2.6 Festivel Day	35
2.7 Satay Saller	36
2.8 Padi Farmers	38
2.9 Rubber Trees	39
2.10 Sinaran Suria	40
2.11 A Mak Yong Performance	41
2.12 Congkak	42
2.13 Untitled (Harvest Scene)	43
2.14 Boat	43
2.15 Rural Life	45
2.16 Nusantara Tryptych	49
2.17 Kemakmuran	58
2.18 Teknik Shibori Kanako	60
2.19 Teknik Shibori Arashi	61
2.20 Teknik Shibori Itajime	61





2.21	Teknik Shibori Miura	62
2.22	Teknik Shibori Kumo	62
2.23	Teknik Shibori Nui	63
2.24	Ketakwaan	64
2.25	Dusk of Dawn	65
2.26	Kebaya Series- Purple	66
2.27	Anggun Hijau	68
2.28	Gunungan Series	68
3.1	Adaptasi Kerangka Teori Style Oleh Meyer Schapiro	73
3.2	Kerangka Konsep Seni Rupa & Jiwa oleh Syed Ahmad Jamal	74
3.3	Kerangka konsep yang diadaptasikan daripada gabungan teori Style oleh Schapiro dan teori Rupa dan jiwa oleh Syed Ahmad Jamal.	78
4.1	Rentak Nusantara	90
4.2	Blok batik bermotifkan tumbuhan dan geometri serta variasi olahan motif “karya Rentak Nusantara”.	92
4.3	Blok batik bermotifkan manusia atau figura dan variasi olahan motif “karya Rentak Nusantara”.	94
4.4	Nusantara Series No.9	95
4.5	Blok batik bermotifkan fauna dan variasi olahan motif “Nusantara Series No.9”	96
4.6	Meditation No.3	98
4.7	Blok batik bermotifkan fauna dan variasi olahan motif ”Meditation No.3”	99
4.8	Gunungan	100
4.9	Blok batik Flora, fauna dan manusia serta variasi olahan motif “Gunungan”	101





4.10	Towards Dawn	104
4.11	Blok batik fauna dan kosmos serta variasi olahan motif “Towards Dawn”	105
4.12	Subuh	106
4.13	Blok Batik motif kosmos dan Fauna “Subuh”	107
4.14	Unity in Harmony	108
4.15	Blok batik motif fauna dan variasi olahan motif “Unity in Harmony”	110
4.16	Nusantara Melody	111
4.17	Blok batik motif kosmos dan flora serta variasi olahan motif “Nusantara Melody”	113
4.18	Chinoserie	118
4.19	Blok batik motif flora dan kosmos serta variasi olahan motif “Chinoserie”	120
4.20	Keyakinan	122
4.21	Blok batik motif flora dan variasi olahan motif “Keyakinan”	124
4.22	Kaduk Ungguan Hati	126
4.23	Untitled	128
4.24	Variasi Motif Flora (pucuk) “Untitled”	129
4.25	Courtyard No. 1	132
4.26	Mandalara No. 5	132
4.27	Pohon Beringin	133
4.28	Nusantara	138
4.29	Prosperity	138
4.30	Angun Mentega	139





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
XV

## SENARAI SINGKATAN

**UM** Universiti Malaya

**USM** Universiti Sains Malaysia

**UiTM** Universiti Teknologi Malaysia

**UPSI** Universiti Pendidikan Sultan Idris



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832

**1.1 Pengenalan**Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Warisan batik merupakan suatu tradisi yang terkenal di Kepulauan Nusantara yang di kaitan dengan proses mereka corak tekstil. Seni batik ditakrifkan sebagai satu kaedah mewarna kain dengan menggunakan teknik *wax resist* atau kalis lilin seperti yang dipetik dalam penulisan Fiona Kerlogue (2004), *Batik: Design, Style & History*. Jika dahulu seni batik hanyalah dianggap kraf dan persalinan harian semata-mata. Namun, seni yang di anggap sebagai kraf tekstil ini mula diangkat melalui pengolahan idea yang diberi nafas baru oleh generasi pelukis-pelukis Malaysia. Mereka mula memberanikan diri memamparkan penggunaan batik sebagai medium seni halus melalui teknik, proses dan bahan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Batik merupakan kesenian yang tinggi nilainya dan menjadi simbolik budaya dalam mengetengahkan identiti nasionalisme negara. Nilai keseniannya yang menjadi akar kepada kebudayaan masyarakat. Lantaran itu, seni batik mula menjadi medium ransangan dalam arus perkembangan seni lukis moden di Malaysia melalui eksperimentasi terhadap fungsi, alatan, bahan dan kedah. Kemudian seni batik mula dieksploitaskan secara seni catan moden bagi mengungkap nilai budaya dan identiti Malaysia. Walau bagaimanapun, pada tahun 1950-an seni batik mula diangkat walaupun masih mengekalkan penggunaan media dan kaedah penghasilan secara tradisional dengan sepenuhnya. Pembaharuan yang dicetus oleh Chuan Thean Teng dalam memperkenalkan kraf batik yang dikontemporarikan sebagai seni lukisan batik melalui eksperimentasi beliau pada pameran pertama beliau pada tahun 1953 dengan Persatuan Seni Lukis Pulau Pinang, kenyataan ini diambil daripada penulisan Wang



Zineng dalam Sebuah Dekad Kegemilangan (2016). Maka, fenomena dalam catan batik mula menjadi alternatif bagi generasi pelukis dan disusurgalurkan sejarar dalam pembentukan identiti sosiobudaya atau kebudayaan sezaman.

Hal ini demikian kerana, ransangan terhadap seni batik secara tradisional mula diekspresi intipati menerusi seni lukis moden dengan menggabungkan pelbagai aspek seni budaya secara naratif yang bercirikan sosiobudaya dalam penghasilannya. Idea daripada penggabungan aliran tradisi melalui teknik-teknik lukisan barat telah mencipta suatu gaya seni lukis yang baru yang dikenali sebagai lukisan batik atau catan batik. Pembuatan seni batik sezaman, mula dikenal oleh dunia dan nilai yang terdapatnya semakin mendapat pengiktirafan. Lantaran itu, seni catan batik mula dimanfaatkan mengikut sensibiliti aliran sezaman melalui kreativiti dalam mengangkatnya, sejajar





dengan seni tampak moden dengan lebih kontemporari dan abstrak. Maka, eksperimentasi dalam bentuk seni catan batik mula mengalami perubahan dan diperluaskan serta dipelbagaikan kepada kegunaan diri hinggalah sebagai seni perhiasan diri melalui penggabungan elemen-elemen budaya yang pelbagai.

## 1.2 Latar Belakang

Kesenian batik yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu adalah melambangkan budaya dan identiti masyarakat Melayu. Kenyataan ini turut disokong oleh Hanipah Hussin (2011) yang menyatakan seni batik merupakan akar budaya yang membentuk identiti

bangsa Malaysia. Selain itu, seni batik sebelum ini hanya bermula dari kesenian yang bersifat kerendahan dalam aspek praktikalnya dan fungsionalnya seperti yang dipetik dalam penulisan Canting Ismail Mat Hussin. Juhari Said (2012). Penggunaan seni batik pada masa dahulu banyak digunakan dalam persalinan harian atau lebih dikenali sebagai pakaian asas. Sebagai contoh, sarung, pakaian tidur atau selendang. Walau bagaimanapun, seni batik telah divariasikan dari kegunaan asas kepada satu bentuk yang lebih menarik dan dikenali dunia, melalui variasi teknik dan reka corak yang diolah secara semi-abstrak dan abstrak serta penggunaan variasi warna yang semakin menarik.

Seiring dengan proses perkembangan teknologi kini yang turut memberi impak kepada arus globalisasi. Malah, penyebarannya yang seiring telah memberi kesan terhadap seni batik mula dikenal oleh dunia dan nilai yang terdapat padanya semakin





dipandang tinggi. Maka, dalam konteks tersebut penghasilan karya mula dipelbagaikan dengan menggunakan tekstil yang tinggi kualiti dan bermutu tinggi. Walaupun begitu, nilai yang tinggi dan kualiti tekstil yang baik semuanya melalui perulangan proses penghasilan secara tradisional. Berdasarkan antropologi oleh Edward B. Taylor (1871) dalam buku *Primitive Culture* mengenai kebudayaan atau peradaban ialah:

*Culture, or civilization, taken in its broad, ethnographic sense, is that complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, custom, and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society.*

Pendapat ini amat tepat mengenai adat budaya sesuatu kaum atau masyarakat ia

merupakan akar kepada segala pembentukan atau permulaan sesuatu peradaban dalam tamadun tersebut. Hal ini demikian kerana, minda manusia mempunyai keupayaan dalam menjalin perhubungan sosial serta mampu membentuk industri sosial. Penyebaran ilmu ini juga mampu diterjemahkan dan ditransformasi dalam kesenian yang boleh dikategorikan kompetensi. Kenyataan tersebut turut disokong oleh Azad Aziz, 2006 yang menjelaskan:

... dalam sejarah kemudiannya, telah terjalin pula hubungan di luar Alam Melayu dengan dua empayar besar Islam iaitu Empayar Mughal di benua kecil India, Empayar Uthmaniah di timur Tengah dan Pusat Perdagangan lain di dunia Parsi, Damsyik dan sebagainya. Dari Timur Jauh pula tidak kurang pengaruh dari Empayar Besar China yang





mempunyai sejarah dan budaya yang kaya-raya dan gilang-gemilang sejak zaman purbakala.

Perkembangan ekonomi masyarakat zaman dahulu juga turut mempengaruhi kesenian batik di Tanah Melayu. Ternyata tradisi seni batik mula berkembang sebagai komponen kesenian dan ekonomi sejak dahulu lagi. Selain itu, kesenian masyarakat Melayu mula mengalami asimilasi seni budaya yang dibawa oleh pedagang-pedagang dari luar seperti pedagang dari Arab, China dan India turut memberi implikasi terhadap seni batik di Malaysia.

Seiring dengan perkembangan batik di Malaysia terdapat nama-nama besar pejuang seni yang menperjuangkan dan mengangkat batik sebagai kesenian melayu. Antaranya, Chuah Tean Teng, Tey Mo-Leong, Syed Shahruddin Syed Bakeri, Ida Ruth Talalla, Hu Te Hsin, Ismail Mustam, Ismail Mat Hussin, Seah Kim Joo, Koay Soo Kau, Yusoff Abdullah atau Khalil Ibrahim, tidak akan lekang di bibir penghayat seni. Namun, berbeza pula dengan Fatimah Chik, karya beliau lebih terarah atau dipengaruhi oleh kaedah dan teknik lukisan tradisional yang menggunakan tekapan blok dan shiboritik. Fatimah Chik merupakan artis wanita yang masih lagi mengekalkan kaedah tradisional dalam seni catan batiknya. Gaya persembahan yang ditonjolkan dalam karya beliau lebih terarah kepada reka corak abstrak dan seni kontemporari pada lembaran kain belacu beliau. Hal ini, turut disokong melalui pernyataan Professor David Williams (2012), iaitu:





*Her approach embrace the use of traditional printing blocks which include her specially designed cultural motifs. Although her batik paintings and batik collages can be interpreted as printed textiles, it is her involvement with the more traditional processes that makes her work unique. The authority of her textiles is derived from a delicate balance between pure abstraction and traditional symbol colours and geometric shapes and border designs.*

Kenyataan ini, dapat dilihat kepada keunikan karya yang dihasilkan oleh beliau melalui setiap percaturan warna-warna yang diinterpretasikan secara abstrak bersamaan susunan corak dan motif yang mengambarkan pencantuman budaya Asia yang universal. Seni catan batik yang dihasilkan oleh beliau dianggap sebagai trend semasa yang membawa kepada asimilasi seni batik berdasarkan kepada penggunaan motif dan kaedah tradisional melalui reka corak kontemporari. Hal ini demikian kerana, penggunaan motif seperti geometri, figura, fauna dan flora dalam setiap karya beliau.

Nilai estetika pada seni catan batik oleh Fatimah Chik yang merentasi penghasilannya iaitu melalui penggunaan teknik dan kaedah tradisional yang biasa kepada seni lukis moden. Lazimnya, keunikan motif berbeza mengikut gaya persembahan yang diperolehi walaupun menggunakan blok-blok tradisional dan gabungan teknik menimbulkan persoalan sehingga wujudnya pengaruh dan gaya aliran yang diterapkan.





Motif-motif yang dihasilkan oleh Fatimah Chik banyak dipengaruhi oleh susunan geometrik, flora, fauna, figura (Batak & Toradja) dan alam semesta (kosmos) yang meliputi unsur-unsur budaya serantau Asia. Namun, wujudnya pertanyaan bagaimana penyelesaian yang digunakan oleh beliau dalam menghasilkan karya dengan menggunakan motif-motif tersebut melalui ideologi pembudayaan dalam mempersesembahkan karya. Malah, setiap motif yang menggunakan sebagai rekaan sempadan (border) dalam karya-karya catan batik Fatimah Chik merupakan pemisah antara setiap penceritaannya. Sebagai contoh, yang dipetik dalam penulisan Leong Tuck Yee dalam majalah *Cosmic- Art Column*:

*Her motifs are mostly derived from Mother Nature: the sky*

*(where the gods reside), the mountain (where man and animals live) and  
the watery realm (home of the nagas).*



Justeru, turut diperkuuhkan lagi melalui kematangan dalam membentuk idea ke atas kain kanvas atau belacu, Fatimah Chik telah menghasilkan karya catan batik yang mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi dalam menggunakan konsep “Asean” atau Nusantara untuk setiap hasil catan batik beliau. Idea-idea yang diperolehi dibentuk menjadi inspirasi dalam berkarya untuk merakam apa yang dilihat dan dialaminya. Menurut, Muliyadi Mahamood (1995) dalam catatannya yang menjelaskan:

Setiap penciptaan seni tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat. Malah proses penghayatan seni itu sendiri melibatkan karya, pelukis, dan penonton dalam membentuk masyarakat. Lantaran





itu, ciri-ciri tertentu dalam masyarakat yang berkaitan dengan kebudayaan dan agama boleh dikupas menerusi karya seni.

Di samping itu, dapat dilihat melalui penonjolan imej-imej yang berkaitan dengan kebudayaan dari segenap rantau kaum asli Nusantara. Malah menyedari hakikat ini, bahawa pentingnya kita dalam mengekalkan dan menghormati hubungan dan budaya serantau. Demikian itu, jelas jika diperhatikan kemampuan dalam menghasilkan karya-karya yang dinamik dan matang dalam membentuk hubungan dalam setiap komposisi dalam karya batiknya. Justeru, ia telah membawa kepada nilai estetika yang tinggi iaitu melalui penggunaan teknik dan gaya dalam proses penghasilannya.



### 1.3 Penyataan Masalah

Perkataan batik berasal daripada bahasa Tanah Jawa, yang ditakrifkan sebagai menulis titik-titik yang merujuk kepada mereka corak pada sehelai kain putih. Seni batik bukan sahaja dikenali di Tanah Jawa bahkan mula dikenali di benua Asia melalui aktiviti perdagangan pada zaman dahulu lagi. Kenyataan ini turut disokong oleh Azah Aziz (2006), yang menyatakan sebelum batik lilin dikenali dengan meluas, telah wujud penciptaan kain batik pelangi yang dihasilkan melalui teknik mencelup kain dasar berikat. Corak dihasilkan pada permukaan kain dengan pelbagai kesan warna dari proses pencepulan. Teknik ini dikatakan mendapat pengaruh langsung dari India dan China. Hal ini telah membawa kepada berlakunya implikasi daripada pengaruh-pengaruh luar telah memberi perubahan dalam pembuatan batik di Malaysia. Namun,





sebelum pasca merdeka lagi dapat dilihat implikasi terhadap seni batik mula mengalami perubahan apabila terdapatnya pengaruh seni lukis barat pada ketika itu. Jelas memaparkan sorotan fenomena *kitsch* akibat daripada gabungan pembuatan batik secara tradisi dengan teknik-teknik lukisan barat.

Perkembangan dalam catan batik di Malaysia mula berlaku perubahan daripada seni kraf kepada seni moden kontemporari. Walaupun, proses perkembangan dalam seni catan batik di Malaysia ini sering menimbulkan pertanyaan dari segi kreativiti dalam menggunakan teknik dan kaedah penghasilan yang ditonjolkan. Kenyataan ini turut diperkuuhkan melalui kenyataan Sarena (2011), penyelidikan mengenai seni kontemporari dan hubungannya dengan identiti Malaysia adalah terhad. Malah, menurut Ruzaika, Rafeah, et al (2014) turut menjelaskannya, mengenai kekurangan kajian dan pemahaman tentang simbol Melayu dalam seni visual. Perubahan seni moden dalam catan batik atau lukisan batik di Malaysia mula berlaku transformasi dari segi motif dan teknik penghasilan. Berdasarkan kenyataan tersebut, setiap penghasilan dalam seni catan batik turut mengalami masalah dalam teknik dan pemprosesan terutama dalam mengekalkan identiti batik Malaysia. Hal ini demikian kerana, dapat dilihat catan batik kurang mendapat pendedahan atau perhatian masyarakat Malaysia berbanding kesenian lain. Keadaan ini menunjukkan bahawa pengiat seni lebih cenderung menggunakan seni moden untuk berkarya berbanding menggunakan kaedah atau teknik tradisional terutama dalam menghasilkan seni catan batik. Faktor ini menyebabkan catan batik semakin kurang diminati dan mungkin akan hilang dalam kesenian Melayu sekiranya warisan ini tidak diperjuangkan atau diwarisi oleh anak muda.





Namun, dalam konteks kajian ini pendedahan terhadap motif-motif tradisional dalam seni tradisi masyarakat serantau Asia dan Melayu kurang memberi impak dalam membawa pengaruh kepada generasi pelukis seni catan batik dan seni lukis moden di Malaysia. Menurut, Sarah (1987) dan Rodger (2006) menyatakan seni batik mempunyai definisi yang luas dari segi penghasilannya secara fizikal dan mempunyai ciri-ciri motif tertentu dalam hasil catan batik. Malahan, motif daripada warisan tradisi diolah mengikut kreativiti kebudayaan.

Nukilan karya Fatimah Chik yang merupakan seorang penggiat seni dan pejuang seni yang mengetengahkan pemikiran, budaya dan kesenian melayu dalam hasil karyanya. Hasil karya beliau mempunyai nilai kesenian yang perlu dikaji dengan lebih mendalam terutama hasil-hasil dalam seni yang ditonjolkan. Di samping itu, permasalahan kurangnya tukang mahir dalam menghasilkan seni blok besi dan kayu pada masa kini. Lantaran itu, lambakan kaedah moden iaitu *printing* atau mencetak menggunakan mesin dalam seni batik sekarang telah memberi kesan kepada generasi baru mengenai warisan seni batik tadisional. Tambahan pula, kurangnya pelukis-pelukis moden yang menerapkan penggunaan teknik blok batik dalam penghasilan seni lukis moden. Kajian terhadap kesenian Fatimah Chik ini merupakan konsep dan kaedah tradisional dalam pengolahan menggunakan motif-motif alam, figura, kosmos dan *mandala* masih berkurangan dan kurang didedahkan secara terperinci. Permasalahan timbul kerana kurangnya kreativiti daripada olahan gaya dan motif terhadap aktiviti mencorak dalam seni halus yang menggunakan kaedah blok tradisional.

Sungguhpun begitu, falsafah dan makna perbezaan olahan motif dalam catan batik sangat terhad. Tatkala, kurangnya gaya persembahan yang digunakan sebagai





medium dalam catan batik yang membawa makna kepada identiti negara. Malahan, bagaimana pelukis-pelukis moden memainkan fungsi akulturasi sesuatu budaya sebagai perantaraan yang menghubungkan seni kraf tradisional dengan seni lukis moden di Malaysia.

Kesenian catan batik yang mempunyai motif dan reka corak yang dihasilkan oleh penggiat seni pada zaman dahulu banyak menzahirkan budaya dan identiti masing-masing bagi menghasilkan karya mereka. Setiap lambang yang dihasilkan menterjemahkan nilai sosiobudaya yang menjadi simbol identiti bangsa. Kesan daripada perkembangan dan transformasi seni lukis moden di Malaysia pada masa kini telah menyebabkan keaslian seni catan batik turut mengalami perubahan terutama dari segi gaya, warna dan reka bentuk yang lebih kompleks dan bersifat abstrak. Misalnya

corak catan batik yang menggunakan rupa asas untuk tujuan kegunaan pakaian sehari-hari ditonjolkan. Kesenian catan Fatimah Chik mempunyai nilai kesenian yang tinggi bagi setiap hasil yang ditunjukkan terutama dalam reka motif dalam gaya persembahan yang memperlihatkan kesenian Melayu yang perlu dikaji untuk dijadikan khazanah melayu yang perlu diperjuangkan dan dianggap martabat catan batik untuk dijadikan warisan negara serta memperkenalkan keilmuan dan kesenian kepada generasi akan datang.

#### 1.4 Objektif Kajian

- a. Mengenalpasti motif-motif yang digunakan dalam catan batik Fatimah Chik sekitar tahun 1980-an hingga 2008.
- b. Mengkaji perkembangan motif-motif pada catan batik Fatimah Chik.





- c. Menginterpretasikan identiti dan makna gaya yang dipersembahkan dalam catan batik Fatimah Chik.

### **1.5 Persoalan kajian**

- a. Apakah motif-motif yang digunakan pada karya catan batik Fatimah Chik sekitar tahun 1980-an hingga 2008?
- b. Bagaimanakah perkembangan motif yang berlaku pada karya catan batik Fatimah Chik?
- c. Bagaimanakah Fatimah Chik menjelaskan konsep identiti dan makna gaya yang dipersembahkan dalam karya catan batik beliau?



### **1.6 Kaedah Kajian**

Kajian kandungan terhadap penyelidikan ini adalah menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan sejarah (*historical*). Kupasan secara kualitatif yang dijalankan adalah bagi membantu dalam mengumpul data secara bertulis atau secara pandangan visual terhadap perkembangan seni catan batik Fatimah Chik dalam seni lukis moden di Malaysia. Hal ini demikian kerana, aplikasi teori dan konsep yang akan diterangkan secara mendalam bagi menghuraikan bukti melalui kaedah temubual, bahan rujukan dan pemerhatian dalam mendapatkan maklumat. Teori yang digunakan bagi memperolehi perincian dari sudut penyelidikan ini ialah teori *Style* oleh Mayer Schapiro (1953) dengan menghubungkaitkan konsep Seni Rupa dan Jiwa oleh Syed Ahmad





Jamal (1992). Segala huraian lanjut berkaitan teori dan kerangka konsep akan diterangkan pada bab 3 metodologi kajian.

Menurut Denzin & Lincoln (1994), dalam penulisan Othman Lebar (2012), iaitu:

*Qualitative research is multimethod in focus, involving an interpretive, naturalistic approach to its subject matter. This means that qualitative researchers study things in their natural settings, attempting to make sense of or interpret phenomena in terms of the meanings people bring to them. Qualitative research involves the studies use and collection of a variety of empirical materials- case study, personal experience, introspective, life story, interview, observational, historical, interactional, and visual texts- that describe routine and problematic moments and meaning in individuals' lives*



Berdasarkan Creswell (1998), kualitatif bermaksud:

*Qualitative research is an inquiry process of understanding based on district methodological traditions of inquiry that explore a social or human problem. The researcher builds a complex, holistic picture, analyzes word, reports detailed view of informants, and conducts the study in a natural setting.*





Malah, ia bertujuan bagi mengenalpasti sesuatu fenomena atau perkara berpandukan analisis dokumen-dokumen (katalog, akhbar, majalah, risalah, buku dan sebagainya) dan temu bual responden. Lantaran itu, sumber data yang diperolehi melibatkan persekitaran yang dikaji berdasarkan konteks asal sama ada perkataan ataupun gambaran imej. Data yang dikumpul melalui kenyataan-kenyataan khusus akan disimpulkan kepada satu hipotesis yang bersesuaian melalui penghubungkaitan dua atau lebih pembolehubah yang wujud semasa kajian dijalankan terhadap penyelidikan ini. Penelitian yang dijalankan dalam penyelidikan ini dapat memberi pengetahuan dan kefahtaman mengenai motif-motif yang digunakan disebalik catan batik Fatimah Chik.

## 1.7 Kepentingan Kajian



Kepentingan kajian ini, dapat memberikan pendedahan secara terperinci mengenai perkembangan motif yang digunakan dalam karya catan batik Fatimah Chik. Malah, setiap dapatan maklumat yang diperolehi akan diungkap melalui gaya persembahan, rupa atau imej, teknik, proses, dan komposisis yang digunakan dalam karya batik painting beliau.

Berdasarkan kepada pengkajian ini, secara tidak langsung dapat membantu dari segi pertambahan sumber rujukan dan pengetahuan kepada masyarakat umum dan generasi akan datang melalui penerapan nilai sosio-budaya disebalik makna motif-motif abstrak dalam karya batik painting Fatimah Chik. Malah, melalui kajian yang dijalani ini dapat menjadi bahan dokumentasi yang penting dan dapat merangsang minda





untuk pengkarya batik, pelajar dan pendidik yang akan datang dalam meningkatkan pengetahuan dari segi idea dan pengolahan berkarya. Maka, hasil daripada pengkajian ini menjadi rekod dalam memelihara dan mengekalkan kraf tradisional masyarakat Melayu agar tidak hilang oleh arus kemodenan.

## 1.8 Pengumpulan Data

Secara umumnya pengumpulan data dalam penyelidikan ini, dijalankan melalui beberapa prosedur dalam memperolehi data, iaitu:



Antara lokasi yang akan digunakan dalam membantu dalam penyelidikan ini ialah kediaman responden (Fatimah Chik) di Jalan Tropicana Utara, PJU 3 Sunway Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor, Balai Seni Visual Negara Kuala Lumpur, Galeri Seni dan Muzium Bank Negara, Galeri Ilham, Galeri dan Muzium Seni Asia, Universiti Malaya (UM), Galeri Pateronas, Perpustakaan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Perpustakaan Universiti Malaya (UM).

### ii. Responden:

Tumpuan kajian ini kepada responden iaitu pelukis catan batik Fatimah Chik.





iii. Hal yang perhatikan dan difokuskan:

Penyelidik akan menemubual responden-responden yang terlibat daripada pelukis Fatimah Chik mahupun kurator galeri. Perbincangan yang akan membabitkan perihal perkembangan karya-karya beliau sekitar tahun 1980-an sehingga 2008 yang menjurus kepada beberapa karya secara rawak. Malah, dilihat berdasarkan kepada segi motif yang digunakan dalam menentukan gaya dan penggunaan pada karya catan batik Fatimah Chik. Malah, turut melihat dari segi teknik, proses, dan makna yang ada dalam setiap karya batik painting Fatimah Chik.



Melalui catatan seperti katalog-katalog pameran, buku-buku, akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang berkaitan dengan Fatimah Chik dan karya beliau.

v. Bahan-bahan Visual:

Proses dalam menginterpretasi setiap bahan visual iaitu, karya-karya catan batik yang dihasilkan oleh Fatimah Chik dari tahun dari tahun 1980-an hingga 2008 dan diambil secara rawak sepanjang tahun tersebut.





## 1.9 Batasan Kajian

### i. Batasan Responden

Fatimah Chik dipilih sebagai responden untuk ditemubual bagi memperolehi dapatan data-data yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

### ii. Batasan Masa

Melihat perkembangan catan batik Fatimah Chik sekitar tahun 1980-an hingga 2008. Malah setiap tahun karya yang digunakan sebagai kajian diambil secara rawak.



Tempat yang dipilih bagi menjalankan penyelidikan ini adalah di kediaman respondan(Fatimah Chik), galeri-galeri (galeri Petronas, Balai Seni Visual Negara, galeri UM, dan galeri USM) dan perpustakaan-perpustakaan (UiTM, UM, UPSI dan Perpustakaan Negara).

### iv. Batasan Kandungan

- a. Dalam penyelidikan ini, kajian akan difokuskan kepada perkembangan motif yang terdapat dalam karya Fatimah Chik sekitar tahun 1980-an hingga 2008. Pemilihan ini dilakukan sebanyak 4 buah karya yang diambil secara rawak iaitu dari tahun





1980-an hingga 1989 (4 buah karya), 1990 hingga 1999 (4 buah karya) dan 2000 hingga 2008 (4 buah karya) yang bersesuaian akan digunakan sebagai kajian.

- b. Kajian ini juga turut melihat perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam setiap karya catan batik yang dihasilkan oleh responden terhadap seni lukis moden Malaysia.

### **1.10 Kesimpulan**

Hubungan seni tekstil dalam kebudayaan masyarakat yang menjadi suatu sentimen kepada pengkarya dalam mengabungjalinkan kreativiti kendiri dan elemen-elemen

sekeliling ke dalam sebuah karya tekstil daripada sehlesai persalinan hinggalah lahirnya seni yang lebih kontemporari dan abstrak pada tatapan umum. Sentimen-sentimen yang dicetuskan ini diolah dan digayakan kepada bentuk identiti baru yang berkonsepkan seni lukis moden Malaysia dengan menerapkan identiti tradisional Rantau Asean Nusantara.

